

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 1(2)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 2 TAHUN 2014**

Tarikh : 26 Mac 2014 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.25 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | " |
| 5. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 6. | Encik Michael Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | " |
| 7. | Encik Sufari bin Tinnin | - | " |
| 8. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 9. | Puan Azizan binti Jamaludin | - | " |
| 10. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 11. | Puan Sazana binti Isa | - | " |

- | | | | |
|-----|------------------------------------|---|---|
| 12. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 13. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |
| 14. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 15. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 16. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 17. | Puan Rozaina binti Hamzih | - | " |
| 18. | Encik Wan Hock Leong | - | " |
| 19. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | Ahli Majlis |
|----|--|---|-------------|

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Nor Azmi bin Mohd Rosli
Pengarah, Jabatan Bangunan
13. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

14. Encik Noorhafez bin Nordin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
15. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
16. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
17. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
18. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
19. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
20. Encik Samzol bin Saat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat
21. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
22. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
23. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
24. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
25. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
26. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
27. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

28. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
29. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
30. Encik Khairul Nazim bin Arbain
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
31. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
32. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
33. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
34. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
35. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
36. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
37. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
39. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
40. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
41. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

42. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
43. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
44. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
45. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
46. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
47. Puan Diana binti Mohamad Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
48. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
49. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
50. Dr. Fatim Zulaika binti Mohamed Ali
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
51. Encik Mazrul Zahar bin Mohd
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

URUSETIA

1. Encik Mohd Lutfi bin Abd Wahab
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd. Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 02/2014 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2014

MPSJ telah mengemukakan 21 inovasi untuk dipertandingkan dalam Anugerah Inovasi Sektor Awam (**Kategori Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan**) bagi tahun 2014. Adalah diharapkan agar penyertaan pada tahun ini akan membawa kejayaan yang lebih besar kepada MPSJ.

2.2 Mini Malaysia-Japan Festival 2014 In Subang Jaya

MPSJ dengan kerjasama Alumni Look East Policy Society (ALEPS) sebagai wakil Hioki City telah menganjurkan program Mini Malaysia-Japan Festival 2014 In Subang Jaya pada 15 Mac 2014 (Sabtu), bertempat di Kompleks 3C, Bandar Sunway.

Program ini merupakan kesinambungan dan komitmen MPSJ terhadap program Bandar Persahabatan (Friendship City) bersama Bandar Hioki, Jepun. Ianya julung-julung kali diadakan dengan mengenengahkan budaya masyarakat Malaysia dan Jepun melalui pelbagai aktiviti dan acara yang berkonsepkan kekeluargaan telah dilaksanakan untuk para tetamu dan pengunjung.

2.3 Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) Bagi Bangunan The Main Place, USJ 21

Pihak Majlis telah mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) bagi Bangunan The Main Place, USJ 21 pada 22 Mac 2014 (Sabtu) bertempat di Main Place Residence Podium Pool Side, The Main Place, Jalan USJ 21/10, Subang Jaya.

Dengan penyampaian Sijil Kelayakan Menduduki ini, pihak MPSJ telah menyampaikan penghargaan kepada syarikat Sumbangan Lagenda Sdn. Bhd. dan anak syarikatnya Bina Puri Holding Bhd. yang menjadi syarikat pemaju penyelamat yang telah berjaya menyiapkan projek ini setelah lama projek ini terbengkalai.

Ia juga menjadi simbol kejayaan kepada pihak Majlis bagi tindakan penyelesaian ke atas permasalahan projek terbengkalai di kawasan pentadbiran MPSJ.

2.4 Bengkel Asas Muzik Musim Cuti Sekolah Siri 01/2014

Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berbakat dan berpotensi serta untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang kesenian dan kebudayaan. Mempelbagaikan aktiviti kebudayaan dengan membina daya kreativiti dalam aktiviti yang dijalankan selaras dengan pendekatan pembangunan kebudayaan dan pelancongan. Bengkel ini juga menekankan beberapa aspek dalam meningkatkan motivasi diri para peserta untuk menyuburkan semangat kerjasama dikalangan peserta.

Sasaran peserta bagi program ini adalah terdiri daripada kalangan belia, remaja dan pelajar. Program ini akan diadakan pada 22 – 23 Mac 2014 (Sabtu & Ahad), jam 8.00 pagi – 5.00 petang bertempat di Kompleks 3C MPSJ, Subang Jaya.

2.5 Audit Surveillance Ms Iso 9001:2008 Oleh Sirim Qas International Sdn. Bhd.

MPSJ telah menerima kunjungan daripada Auditor SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 24 - 25 Mac 2014 bagi melaksanakan Audit Pengawasan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008. Proses auditan ini diadakan bagi mengesahkan pelaksanaan dan kesinambungan sistem pengurusan kualiti di MPSJ menepati piawaian MS ISO 9001:2008.

Tahun ini merupakan tahun kedua bagi proses Audit Pematuhan Pensijilan MS ISO 9001:2008 yang telah diterima oleh MPSJ pada **6 April 2012**. Tahun hadapan, MPSJ akan berhadapan dengan proses pensijilan semula MS ISO 9001:2008. MPSJ sentiasa komited dalam meneruskan komitmen untuk menyampaikan perkhidmatan mengikut piawaian MS ISO 9001:2008 bagi menjamin hak organisasi dan pelanggan.

2.6 Taklimat Garis Panduan Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya

Objektif taklimat ini diadakan adalah untuk menyampaikan maklumat kepada Jawatankuasa Penduduk (JKP) berhubung dasar, undang-undang, garis panduan, peraturan, program dan aktiviti MPSJ serta memelihara kesejahteraan setempat. Memberi penerangan dan mengenalpasti kaedah menyelesaikan masalah yang boleh diambil tindakan segera, menyalurkan maklumat/penerangan yang tepat, telus serta terperinci tentang aktiviti/program, dasar serta perkembangan semasa MPSJ kepada penduduk. Mendapatkan maklumat tentang permasalahan dan aduan penduduk yang berkaitan untuk diselesaikan di peringkat MPSJ. Taklimat ini akan diadakan pada 26 Mac 2014 (Rabu), jam 2.30 petang bertempat di Dewan Kenanga MPSJ. Peserta taklimat ini terdiri daripada Ahli Majlis, Pembantu Ahli Majlis, Pegawai Kawasan dan Penggerak Belia Tempatan (PeBT).

2.7 Program Kolaborasi Strategik MPSJ IPTA/IPTS 2014

Seiring dengan penjenamaan MPSJ sebagai Perbandaran Vibrant dan hub pendidikan antarabangsa, MPSJ telah merancang untuk mengadakan sesi penerangan khusus kepada pelajar-pelajar IPTA/IPTS (Antarabangsa) bagi memberi kefahaman dan meningkatkan kesedaran terhadap perundangan perbandaran.

MPSJ telah merancang program kolaborasi ini bersama sembilan IPTA/IPTS yang berada dalam kawasan pentadbiran MPSJ. Program pertama akan diadakan di SEGI Kolej pada 29 Mac 2014 (Sabtu) bersempena SEGI SJ Carnival 2014. Dalam program tersebut MPSJ akan membuka 'booth' pameran serta konsultasi mengenai perkhidmatan MPSJ bersama pihak Imigresen.

2.8 Town Hall Meeting

Buat julung-julung kalinya MPSJ akan mengadakan Town Hall Meeting pada tahun 2014 yang akan diadakan sebanyak 4 kali setahun dimana pelaksanaannya adalah mengikut zon kawasan.

Zon Kinrara dipilih sebagai lokasi Town Hall Meeting Siri 01/2014 yang akan diadakan pada 29 Mac 2014 (Sabtu), jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Serbaguna MPSJ BK2, Jalan BK 2/10, Bandar Kinrara 2.

Town Hall Meeting akan menjadi platform kepada pihak Majlis untuk bertemu dengan wakil penduduk. Antara pengisian sepanjang berlangsungnya Town Hall Meeting ialah Taklimat Kinrara Damansara Expressway (KIDEX), pameran awam, Kaunter Bergerak dan Kaunter Aduan.

2.9 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MPSJ 2013

Pada setiap tahun, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diadakan bagi menghargai dan meraikan warga kerja MPSJ yang menunjukkan prestasi cemerlang dan membanggakan organisasi.

Majlis ini juga diadakan bagi meraikan pesara. Namun, buat julung-julung kalinya pada tahun ini, Majlis ini turut meraikan kakitangan yang cemerlang dalam pelbagai bidang seperti bidang sukan dan kebudayaan yang akan menerima Anugerah Kecemerlangan Khas.

Sehubungan itu, pada tahun ini, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPSJ dijenamakan semula kepada Majlis Anugerah Kecemerlangan MPSJ 2013 yang akan diadakan pada 01 April 2014 (Selasa), jam 1.45 petang bertempat di Vintage Ballroom, Holiday Villa Hotel & Suites, Subang Jaya.

Pada tahun ini, seramai 118 orang warga kerja MPSJ akan menerima anugerah atas prestasi cemerlang yang ditunjukkan pada tahun 2013, 10 orang pesara dan 10 orang akan menerima Anugerah Kecemerlangan Sukan 2013.

2.10 Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas Tahun 2014

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2014 akan bersidang pada 07 April – 18 April 2014 bertempat di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

2.11 Perlawanan Akhir Piala FA 2014

Sukacita dimaklumkan pasukan MPSJ FC telah berjaya melangkah ke perlawanan akhir Piala FA 2014. Perlawanan akhir Piala FA 2014 akan berlangsung pada 11 April 2014 (Jumaat), jam 8.45 malam bertempat di Kompleks Sukan MPSJ. Perlawanan ini adalah diantara pasukan MPSJ FC menentang pasukan TLDM.

2.12 Majlis Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) Sesi 2013 Dan Majlis 'Hi-Tea' Mantan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya

Objektif program ini diadakan adalah sebagai tanda penghargaan serta galakan terhadap usaha-usaha JKP MPSJ dalam memajukan masyarakat di samping menaikkan semangat di kalangan JKP MPSJ untuk terus aktif. Menghargai mantan Ahli Majlis MPSJ atas jasa dan sumbangan mereka semasa mereka berkhidmat dengan MPSJ. Anugerah ini juga adalah sebagai pendorong semangat dan motivasi agar pihak JKP MPSJ akan terus berusaha untuk melaksanakan program/aktiviti kemasyarakatan dengan penuh tanggungjawab. Majlis anugerah ini akan diadakan pada 26 April 2014 (Sabtu), jam 2.30 petang bertempat di Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya.

Diantara kategori anugerah yang disediakan ialah;

- i. Anugerah Program Kemasyarakatan JKP MPSJ Terbaik
- ii. Anugerah Pengurusan Kewangan JKP MPSJ Terbaik
- iii. Anugerah Pengurusan Projek JKP MPSJ Terbaik
- iv. Anugerah Kepimpinan JKP MPSJ Terbaik
- v. Anugerah Pegawai Kawasan JKP MPSJ Terbaik
- vi. Anugerah JKP MPSJ Terbaik Keseluruhan

2.13 Laporan Demam Denggi

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 11 (iaitu sehingga 15 Mac 2014) adalah sebanyak 2016 kes denggi dilaporkan dan sebanyak 1667 kes disahkan positif.

Buat masa ini terdapat lapan (8) kawasan '*hotspots*' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu;

- i. Taman Kinrara 3 (Vista Lavender)
- ii. SS 15/5
- iii. Taman Puchong Utama 7 (Court 1)
- iv. Bandar Kinrara 6 (Pangsapuri Enggang)
- v. Bandar Puchong Jaya (Sri Cempaka)
- vi. Lestari Putra 6
- vii. Bandar Bukit Puchong 2
- viii. Bandar Sunway (Palm Ville Condo)

Dengan cuaca panas dan catuan air yang sedang dijalankan, ramai penduduk yang akan menyimpan air di dalam pelbagai jenis bekas. Sehubungan itu, penduduk perlu memastikan bekas-bekas yang digunakan untuk menyimpan air tersebut hendaklah ditutup bagi mengelakkan bekas-bekas tersebut menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Penduduk juga perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 12/2013 BERTARIKH 20 DISEMBER 2013.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 12/2013 bertarikh 20 Disember 2013 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 01/2014 BERTARIKH 25 FEBRUARI 2014.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 01/2014 bertarikh 25 Februari 2014 telah disahkan tanpa pindaan.

5.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

5.1 Terbitan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Melalui Mesyuarat Jawatankuasa

Encik Ir. Izham bin Hashim mencadangkan supaya pihak Majlis membuat semakan semula berhubung penetapan kedudukan beberapa Mesyuarat Jawatankuasa Kecil yang perlu diterbitkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk. Antaranya ialah Mesyuarat Teknikal COB dan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai Dan Bangunan Bermasalah.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 01/2014 Bertarikh 05 Mac 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 02/2014 Bertarikh 19 Mac 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 03/2014 Bertarikh 24 Mac 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 01/2014 Bertarikh 06 Mac 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 01/2014 Bertarikh 12 Mac 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 01/2014 Bertarikh 12 Mac 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Michael Tamilarason a/l K. Nadaysen	Isu Kerja-Kerja Korekan Jalan	Beliau mengesyorkan agar pihak Majlis menguatkuasakan

				<p>peraturan sedia ada terhadap pihak syarikat utiliti yang menjalankan kerja-kerja korekan jalan memandangkan terdapat banyak aduan diterima mengenai kerosakan jalan yang boleh membahayakan pengguna jalanraya.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau meminta agar kawalan pemantauan terhadap kerja-kerja korekan dan tampalan semula jalan perlu dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dalam memastikan hasil tampalan selepas kerja-kerja korekan jalan adalah menepati spesifikasi yang ditetapkan dan mempunyai jaminan ketahanan bagi suatu tempoh yang lama.</p> <p>Beliau turut mencadangkan agar pihak Majlis mengkaji semula kadar deposit yang dikenakan terhadap syarikat utiliti yang menjalankan kerja-kerja korekan jalan ini.</p>
--	--	--	--	--

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan mengkaji kaedah yang terbaik dan melihat semula SOP untuk pelaksanaan dan pemantauan terhadap kerja-kerja korekan dan tampalan semula jalan oleh syarikat-syarikat utiliti yang terlibat.</p> <p>Pihak Jabatan turut diminta untuk mengkaji semula kadar deposit dan denda yang dikenakan terhadap syarikat utiliti yang menjalankan kerja-kerja korekan jalan ini.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan
Bil. 01/2014 Bertarikh 14 Mac 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.1.2 m.s 11	En. Loka Ng Sai Kai	Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Zon MPSJ	<p>Beliau memohon penjelasan dan pandangan berhubung kriteria dan tatacara pelantikan Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Zon MPSJ.</p> <p>Beliau turut memohon supaya pihak Majlis mempertimbangkan semula berhubung pelantikan Pengerusi PeBT ini memandangkan ada dikalangan mereka yang dilantik merupakan wakil daripada luar kawasan JKP dan bukannya wakil penduduk tempatan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Majlis dan JKP Kawasan.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa Penggerak Belia Tempatan (PeBT) adalah inisiatif Kerajaan Negeri bagi merancang program-program di peringkat Zon JKP Majlis.</p> <p>Dato' Yang Dipertua turut memaklumkan bahawa pelantikan Pengerusi PeBT adalah keputusan Kerajaan Negeri.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau meminta supaya Jabatan Pembangunan Masyarakat dapat memanjangkan beberapa isu berbangkit berhubung perkara ini ke Mesyuarat Jawatankuasa Stanco yang berkaitan di peringkat Kerajaan Negeri.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 01/2014 Bertarikh 14 Mac 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.6 m.s 5	En. Mohan Singh a/l Surtar Singh	Isu Pencemaran Bau Dari Kilang MASDEF Di Puchong Utama	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengambil tindakan segera untuk menangani isu berkenaan pencemaran bau dari kilang MASDEF di Puchong Utama memandangkan terdapat banyak aduan yang diterima daripada penduduk sekitar berhubung isu ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Pengarah Undang-Undang memaklumkan bahawa pihak Jabatan sedang mengenalpasti dan mengemaskini beberapa kaedah dan tindakan yang bersesuaian dalam menangani isu-isu berbangkit berhubung perkara ini.</p>

				<p>Beliau turut menjelaskan bahawa sebelum sesuatu tindakan susulan diambil, pihak Majlis terlebih dahulu perlu mengkaji dan meneliti pelbagai aspek-aspek yang berkaitan termasuk yang melibatkan isu-isu teknikal dan perundangan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini telah diambil perhatian yang serius oleh pihak Majlis.</p> <p>Sehubungan itu, Jabatan yang terlibat diminta untuk meneruskan tindakan yang bersesuaian mengikut bidang kuasa masing-masing.</p>
2	para 5.2.2 m.s 10	En. Keshminder Singh a/l K. Karam Singh	Jawatankuasa Kecil Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB)	Beliau memohon pertimbangan daripada pihak Majlis untuk memindahkan terbitan Jawatankuasa Kecil Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) yang

				<p>dahulu dikenali sebagai Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembasmian Kemiskinan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memutuskan untuk mengekalkan terbitan Jawatankuasa Kecil Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat mengambil maklum mengenai perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 01/2014 Bertarikh 17 Mac 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.26 m.s 26	En. Tai Cheng Heng	Cadangan Pemberian Peruntukan Kepada Ahli Majlis Bagi Tujuan Pembelian Notebook / Tablet	<p><u>Pindaan Minit :</u></p> <p>Beliau memaklumkan terdapat pindaan minit berkenaan perkara ini.</p> <p>“Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 01/2014 telah bersetuju ‘meluluskan’ cadangan pemberian peruntukan kepada Ahli Majlis bagi tujuan pembelian Notebook / Tablet sebanyak RM 2,300.00 secara tuntutan bayaran balik” dan bukannya ‘tanggung’ seperti yang dicatatkan dalam Minit Mesyuarat.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Mesyuarat telah bersetuju untuk ‘meluluskan’ keputusan Mesyuarat</p>

				<p>Jawatankuasa Kewangan Bil. 01/2014 berhubung perkara ini.</p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Perbendaharaan mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 01/2014 Bertarikh 17 Mac 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Ir. Izham bin Hashim	Pusat Siber / Video Game Perjudian	Beliau memuji tindakan pihak Majlis yang bekerjasama dengan pihak Polis berhubung tindakan memotong bekalan elektrik terhadap premis pusat siber dan video game yang menjalankan aktiviti berunsurkan perjudian.

				<p>Beliau seterusnya mengharapkan agar usaha ini dapat dipertingkatkan dalam usaha pihak Majlis untuk membanteras aktiviti pusat siber dan video game yang menjalankan aktiviti perjudian.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya memaklumkan bahawa pihak Majlis telah lama melaksanakan perkara ini dalam usaha untuk membendung dan membanteras aktiviti pusat siber dan video game yang menjalankan aktiviti perjudian.</p> <p>Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua amat mengalu-alukan sebarang cadangan dan idea baru yang dikemukakan oleh Ahli Majlis.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pelesenan

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.25 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA